

Umat Islam perlu ubah minda

19 JUL 2002
Oleh MAHJANI KAMARUDDIN
dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 19 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata umat Islam perlu mengikis pandangan bahawa hanya ilmu agama sahaja yang wajib dimiliki kerana ketiadaan ilmu-ilmu lain telah menyebabkan dunia Islam sekarang lemah dari segi ekonomi dan ketenteraan.

Sehubungan itu menurutnya, penguasaan ilmu pengetahuan oleh orang Islam perlu disertakan dengan perubahan minda bagi membolehkannya digunakan untuk memperkasakan umat.

“Kita mesti berhenti daripada memikirkan kononnya mendapatkan ilmu pengetahuan selain daripada ilmu agama tidak memberi manfaat di alam akhirat nanti.

“Ketiadaan ilmu lain telah membawa kepada kelemahan kita dari segi keupayaan perindustrian, keupayaan untuk mencipta dan menghasilkan senjata yang boleh menakutkan musuh dan mempertahankan diri,” kata beliau.

● **Ucapan penuh PM — Muka 6**

● **Lagi laporan Kalif 2002 — Muka 4, 5**

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam 2002 (Kalif 2002) di Hotel Sheraton Imperial di sini hari ini.

Forum tiga hari anjuran Pejabat Timbalan Perdana Menteri itu disertai oleh lebih 200 pemikir Islam dari seluruh dunia.

Dr. Mahathir berkata, masyarakat Islam hendaklah menganggap pemerolehan ilmu dunia sebagai satu ibadat yang tidak kurang pentingnya dengan mempelajari ilmu agama.

Menurut beliau, takrif yang betul tentang ajaran Islam mengenai usaha mendapatkan ilmu adalah sesuatu yang sangat penting.

“Kita tidak seharusnya membiarkan diri kita dipesongkan oleh takrif yang tidak betul tentang Islam sebagaimana yang mengakibatkan kita terlepas daripada revolusi perindustrian, enggan menggunakan

■ **Lihat muka 8**

Umat Islam perlu ubah minda

elektrik dan produk kejenteraan sehingga mengurangkan kemampuan kita,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, usaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan perlu berterusan kerana ilmu tidak statik sebaliknya sentiasa berkembang.

“Jika ilmu pengetahuan mahu menjadi

kan alat untuk memperkasa, maka ia perlu menyumbang kepada keperluan ekonomi, sosial dan keselamatan kita.

“(Jadi) perlu ada pakar yang mahir dalam satu-satu bidang dan dalam pencarian ilmu, mesti ada pembahagian tenaga seperti dalam sains, matematik, perubahan dan sebagainya,” ujar Dr. Mahathir.